

Penduduk2 Daerah Tutong Mera'ikan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

TUTONG. — Penduduk2 di-Daerah Tutong telah mengadakan satu majlis sebagai mengucapkan keshukoran atas selamat keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kembali ka-Tanah Ayer sa-lepas mengelilingi dunia selama dua bulan baharu2 ini.

Majlis tersebut telah di-adakan di-Asrama, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad 5 Julai, 1964.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Yang Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan bertitah di-majlis mera'ikan Baginda di-Pekan Tutong pada 5 Julai, 1964.

Persidangan Pemuda Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Perhimpunan Pemuda Pemudi Sa-Dunia kali yang kelima akan di-adakan di-Amerherst, Amerika Sharikat mulai dari 31 Julai hingga ka-12 Ogos tahun ini.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah pun di-undang untuk menghantarkan wakil2-nya ka-persidangan tersebut dan Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan menimbangkan jemputan tersebut dengan sa-berapa segera.

Penuntut2 Sekolah Milfield Balek Berchuti

BANDAR BRUNEI. — Enam orang penuntut2 dari Brunei yang belajar di-Sekolah Milfield, England akan balek ka-Tanah Ayer dalam bulan ini untuk menyempurnakan chuti persekolahan mereka.

Penuntut2 itu ia-lah Adnan bin Marsal, Ariffin bin Ajmain, Mohamed Salleh bin Haji Abdul Jalil; Mohamad Sunny bin Husain; Othman bin Haji Ya'akub dan Zakaria bin Noordin.

Mereka akan berlepas dari London ka-Brunei dengan kapal terbang pada 23 Julai dan di-jangka tiba di-Brunei pada 25 Julai.

Penuntut2 tersebut di-jangka balek ka-United Kingdom pada 19 atau 20 September, 1964. Demikian menurut penerangan sa-orang Juruchakap Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Yang Pengiran Pemancha; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Berhormat Awang E. O. Laird; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan para pembesar negara.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah bertitah di-majlis tersebut bahawa Baginda pada masa ini sedang meneliti kesan2 dari lawatan Baginda mengelilingi dunia untuk di-pandakan kepada kemajuan masa depan Negeri Brunei.

PERARAKAN MAULUD

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait akan mengadakan perarakan sechra besar2-an bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada petang hari Ahad 2 Ogos, 1964.

Pancharagam Askar Melayu Brunei dan Pancharagam Pulis Brunei akan mengiringi perarakan tersebut.

Perarakan itu di-bahagikan ka-

Dalam titah tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah bersabda bahawa Baginda akan mengemukakan kepada Kerajaan Brunei untuk di-pertimbangkan sebarang perkara yang mustahak yang di-fikirkan boleh di-gunakan di-negeri ini.

Di-sepanjang lawatan Duli Yang Maha Mulia mengelilingi dunia, Baginda bertitah bahawa Baginda telah juga berkesempatan mengunjongi ka-pusat2 perkembangan dan ranchangan pembinaan di-sebahagian negeri2 yang Baginda lawati.

Ketika bertitah mengenai Ranchangan Perkembangan Lima Tahun Negeri Brunei, Baginda bersabda bahawa Baginda merasa gembira kerana banyak ranchangan dan berjenis2 usaha Kerajaan telah berjalan dengan baik-nya.

Baginda telah menasihatkan seluruh lapisan ra'ayat di-negeri ini supaya sentiasa menyambut baik dan bekerjasama dengan Kerajaan bagi melaksanakan usaha2 yang berfaedah bagi Negeri Brunei Darus Salam.

pada 5 bahagian, ia-itu (a) Lelaki Dewasa—Pejabat2 dan orang ramai. (b) Perempuan Dewasa. (c) Murid2 Sekolah. (d) Pasokan Hadzrah dan (e) Kerita berhias.

Semua pasokan yang akan mengambil bahagian dalam perarakan itu di-minta berkumpol di-Padang Besar, Kuala Belait sa-belum pukul 2 petang hari tersebut.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan, sebagai wakil penduduk2 di-Daerah Tutong, telah menyatakan keshukoran atas selamat-nya Baginda dan rombongan berangkat kembali ka-Tanah Ayer sa-lepas mengelilingi dunia baharu2 ini.

Awang Abdul Ghani juga menyatakan bahawa kemajuan2 dalam berbagai2 lapangan, terutama sekali bagi kepentingan penduduk2 kampung2 pendalaman, telah di-laksanakan di-Daerah Tutong.

BANCHI PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Buat julung2 kali satu banchi mengenai pertanian telah pun mulai di-lancarkan di-seluruh negeri pada 13 Julai lepas. Ini akan mengambil masa 10 hari.

Pasokan membanchi itu telan pun melawat ka-kampung2 untuk mendengar dan mendapatkan berbagai2 penerangan daripada penduduk2 dan kaum2 tani berkenaan dengan perkara dalam hal pertanian.

Penguhulu2 dan ketua2 akan di-jumpai untuk mendapatkan nama penduduk2 di-kampung2 yang bersangkutan.

Banchi demikian ada-lah diselenggarakan menurut sa-bagaimana banchi pertanian yang di-adakan di-seluruh dunia yang di-biayai oleh Pertubuhan Pertanian dan Makanan Bangsa-bangsa Bersatu.

Upachara Menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Kapada

S. M. Pengiran Muda Mahkota

KUALA TUTONG.—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong, Dato Utama Awang Haji Mohamad Yusof selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan Baginda kepada Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong pada pagi hari Khamis 2 Julai, 1964.

Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota telah memenangi Perisai tersebut sebagai Sekolah Melayu di-Daerah Tutong yang terbaik sekali mengenai hal ehwal kedatangan dalam tahun 1963.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong, Dato Utama Awang Haji Mohamad Yusof; Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan; Wakil Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar; Nadzir Sekolah2 Melayu, Daerah Tutong, Awang Md. Daud bin Serudin; Wakil Penduduk2 Kampong Kuala Tutong, Awang Mundus bin Abdul Rahman; Guru Besar Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Chegu Mohsin bin Ahmad dan oleh Pengerusi majlis itu, Awang Mohamed Karim bin Haji Dermawi.

Ramai para jemputan dan penduduk2 Kampong Kuala Tutong telah hadir di-majlis tersebut. Di-antara para jemputan itu ia-lah dua orang Pegawai2 Tentera, ia-itu Major G. R. Lloyd, Pegawai Pemerintah Pasokan "C", 2/7 Gurkha Rifles dan Colour-Sergeant Damarbahadur Limbu dari Pasokan "C", 2/7 Gurkha Rifles.

KEJAYAAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa beliau telah melawat ka-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota pada pagi tersebut ia-lah kerana menyempurnakan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan untuk menyampaikan hadiah Perisai Kedatangan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota. Sekolah itu telah berjaya memenangi perisai tersebut pada tahun yang lalu.

"Sava berseru agar-nya Pega-

wai2 yang berkenaan akan terus bekerja dengan lebih giat lagi pada tahun hadapan, supaya Perisai ini tidak akan jatuh kedatangan Sekolah yang lain.

"Dan lagi, ada-lah tujuan Baginda Maulana Al-Sultan memberi pelajaran perchuma kepada penduduk2 negeri ini ia-lah kerana Baginda berpendapat yang PELAJARAN itu SANGAT PENTING untuk kemajuan dan ekonomi Negeri Brunei ini," kata beliau.

TAHNIAH

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan, dalam ucapan beliau di-majlis tersebut telah mengucapkan satinggi2 tahniah kepada murid2 Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota kerana berjaya merebut Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi tahun 1963.

"Dengan ada-nya sekolah ini berjaya merebut Perisai Kedatangan ini, ada-lah membuktikan bahawa para ibu bapa telah mengambil berat tentang persekolahan anak2 mereka dan juga menunjukkan kerjasama mereka dengan Guru2 sekolah ini," kata Awang Abdul Ghani.

Awang Abdi Manaf, selaku wakil Pegawai Pelajaran Negara, Brunei dan Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Md. Daud bin Serudin telah mengucapkan berbilang2 terima kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong, Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof yang telah sudi melawat ka-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota pada pagi hari tersebut untuk menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia kepada sekolah itu.


Beliau2 itu berharap sa-moga murid2 sekolah tersebut akan

belajar dengan rajin pada setiap masa serta datang ka-sekolah pada tiap2 hari persekolahan dan berjaya menyandang hadiah Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia pada tahun2 yang akan datang.

Guru Besar Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Chegu Mohsin bin Ahmad berkata di-majlis tersebut bahawa kemajuan dan kedatangan murid2 yang baik itu, bukan-nya daripada

guru yang bijak, akan tetapi kerana bantuan ibu bapa kanak2 yang telah menggalakkan anak2 mereka rajin datang belajar ka-sekolah pada tiap2 hari.

Majlis itu di-akhiri dengan bache'an do'a selamat oleh Kadhi Daerah Tutong, Yang di-Muliakan Begawan Khatib Haji Metali. Kemudian para hadirin telah di-ra'ikan dengan jamuan kueh dan minuman di-bangunan sekolah tersebut.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof kelihatan menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada sa-orang wakil murid2 Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong.

Sambutan Maulud Sekolah2 Melayu Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI.—Delapan buah Sekolah2 di-Bandar Brunei akan bergabung merayakan sambutan Maulud Nabi bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, pada hari Juma'at 24 Julai mulai pada pukul 3 petang.

Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam; Sekolah Ugama S.M.J.A; Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Ugama R.I.F; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; Sekolah Ugama S.O.A.S.; S.T.P.R.I. dan Sekolah Ugama S.T.P.R.I.

Di-antara acara2 yang akan di-adakan di-majlis itu ia-lah

Peraduan Sharahan terbuka kepada murid2 sekolah2 tersebut.

Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam akan melafadzkan satu sharahan berkenaan dengan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-majlis itu.

Selain dari itu Bachaan2 Al-Koran Al-Karim akan di-dengarkan oleh Johan2 Lelaki dan Perempuan, Peraduan Bachaan Al-Koran Al-Karim Sekolah2 Ugama Sa-Negeri Brunei Tahun 1964.

Kumpulan Jema'tul Nashid di-bawah pimpinan Ustaz Abdul Kadir bin Awang akan mempersembahkan lagu2 nashid di-majlis tersebut.



Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara menyampaikan hadiah Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong pada 2 Julai, 1964.

PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI.— Satu perarakan sechra besar2an bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Daerah Brunei/Muara akan di-adakan di-Bandar Brunei pada petang hari Rabu 22 Julai, 1964.

MENDAPAT IJAZAH "BACHELOR OF SOCIAL SCIENCE"



AWANG ABDUL AZIZ

BANDAR BRUNEI.— Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar telah berjaya memperolehi Ijazah "Bachelor of Social Science—Second Class Honours" dalam Bahagian Ekonomi di-Universiti Birmingham, England baharu2 ini.

Demikian di-terangkan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes dalam satu pertemuan yang khas dengan beliau di-Pejabat Pelajaran Brunei pada petang hari Khamis yang lalu.

Maka dengan kejayaan-nya itu, Awang Abdul Aziz ia-lah penuntut Brunei yang pertama sekali yang telah memperolehi Ijazah yang tinggi itu dalam bahagian Ekonomi di-sabua Uni-versiti di-England.

Awang Abdul Aziz akan tiba di-Brunei, dengan kapal terbang mungkin pada 29 Julai, 1964.

Orang Yang Lari Dari Tahanan Di-Penjarakan 14 Bulan

BANDAR BRUNEI.— Bakar bin Haji Serudin telah di-jatohkan hukuman penjara selama 14 bulan oleh Awang Charlie Foo Chee Tung di-Mahkamah Majistret, Bandar Brunei pada pagi 6 Julai atas tuduhan melarikan diri-nya dari Khemah Tahanan itu pada 31 Mei tahun ini. Bakar telah di-tangkap semula oleh Pasokan Polis Brunei di-bawah pimpinan Inspektor Mohamed bin Momin di-Kampung Tungku, Gadong pada malam 26 Jun.

Awangku Abbas bin Pengiran Haji Besar, di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei tidak lewat dari 16 Julai.

Tiap2 pasokan di-kehendaki berkumpul di-Pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin tidak lewat dari pukul 1 petang 22 Julai.

Jalan2 yang akan di-lalui oleh perarakan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Jalan Stoney, Jalan Sumbiling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Bendahara, Jalan Sultan terus ka-hadapan bangunan Jabatan Kastam Di-Raja kemudian masuk ka-Jalan MacArthur dan menuju balek ka-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin.

Sa-lepas itu akan di-adakan upacara memberi sharahan, bacahan Al-Koran Al-Karim dan menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam perarakan tersebut.

Perarakan tersebut akan di-bahagikan kepada lima bahagian ia-itu seperti di-bawah ini:

(a) Lelaki Dewasa (Kampung2). (b) Lelaki Dewasa (Pejabat2, Persatuan dan Maktab Perguruan). (c) Perempuan Dewasa. (d) Murid2 Sekolah Lelaki (termasuk Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin) dan (e) Murid2 Sekolah Perempuan.

Ketua2 Kampung dan Ketua2 Pejabat serta Wakil2 Persatuan2 dan Sekolah2 yang belum lagi menghantarkan borang2 permohonan masuk bertanding, ada-lah di-minta supaya mereka menghantarkan borang2 itu kepada Setia Usaha Perarakan tersebut,



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis ibni Al-merhom Sultan Hashim, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada wakil murid2 Sekolah Melayu Sungai Besar baharu2 ini.



Satu pemandangan di-majlis pembukaan rasmi Kongres Pos Universal di-Vienna, Austria pada 29 Mei, 1964. Dalam gambar ini kelihatan Penguasa Pos Negeri Brunei, Awang Ali Khan bin Abdul Khan (memakai pakaian Melayu) semasa menghadiri Kongres itu.

DAYANG DOLBY DI-KURNIAKAN

S. M. B.

BANDAR BRUNEI.— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, Pangkat Ketiga (S.M.B.) kepada Dayang M.E. Lloyd Dolby.

Menurut satu pengumuman dari Istana Darul Hana, Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah pun memberi persetujuan Baginda terhadap pengurniaan Bintang Kebesaran S.M.B. oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada Dayang Dolby.

Dayang Dolby telah menjadi Jururiring kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri semenjak beberapa tahun yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengurniakan Pingat Omar Ali Saifuddin kepada Dayang Dolby terhadap perkhidmatan-nya empat tahun dahulu.

PENUNTUT2 BRUNEI BALEK DARI ENGLAND

BANDAR BRUNEI.— Beberapa orang penuntut2 Brunei yang melanjutkan pelajaran di-United Kingdom atas perbelanjaan Kerajaan telah balek ka-Brunei baharu2 ini untuk menyempurnakan chuti mereka.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Abdul Rahim bin Abdul Latif, Awang Naweh bin Hanafiah, Awang Adnan bin P.H.A. Bakar, Awang Md. Ali Daud dan Awang Md. Deli bin Ahmad.

Sementara itu menurut penerangan sa-orang Juruchakap Jabatan Pelajaran, Brunei, Dayang Jusnani binte Lawie dan Awang Rosli bin Umar akan balek ka-Brunei pada 17 Julai; manakala Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Haji Umar dan Puan Zahrah binte Idris di-jangka akan balek pada 29 Julai.

Mashuarat Agong Asterawani

BANDAR BRUNEI.— Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei akan mengadakan mashuarat agong-nya bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada hari Juma'at 17 Julai, 1964.

Selain dari lantikan Pegawai2 Baharu, berbagai2 perkara yang mustahak mengenai persatuan Asterawani akan di-rundingkan di-mashuarat tersebut.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu XI:

ISTIADAT BERJARUM2 BAGI PUAKE BELAITASLI

BELUM lama dahulu dalam ruangan ini saya telah memperkatakan 'adat istiadat perkahwinan Puak Belait Asli' satakad dari hari perkahwinan, dan bagi sa-bahagian dari puak tersebut.

Untuk lengkap-nya istiadat tersebut ada di-dahului dengan istiadat berjarum2 sa-bagaimana juga terdapat dalam istiadat kita Bangsa Melayu di-Brunei ini. Tetapi Puak Belait istiadat tersebut di-namakan istiadat "membuka mulut."

Sa-lain dari itu ada juga baik-nya saya perikatakan di-sini sa-banyak sedikit perbezaan yang terdapat antara puak itu sendiri dari satu tempat ka-suatu tempat di-Ulu Belait.

Dalam 'adat istiadat berjarum2 atau membuka mulut, satu atau dua orang lelaki atau perempuan yang sa-tengah umur dari pehak lelaki mendatangi ka-tempat rumah ibu-bapa perempuan yang akan di-pinang itu.

KELAS DEWASA UGAMA KUALA BELAIT

KUALA BELAIT.—Pada masa ini ramai penuntut2 lelaki dan perempuan belajar di-Kelas2 Dewasa Ugama di-Kuala Belait.

Kelas2 Dewasa Ugama itu diadakan di-bawah anjoran Kerajaan Brunei dengan tidak mengenakan apa2 bayaran pada penuntut2.

Masa dan jenis pelajaran yang di-adakan itu ada-lah seperti berikut: Malam Isnin—Pelajaran Al-Koran. Malam Selasa—Pelajaran Tauhid. Malam Rabu—Pelajaran Ibadat dan Malam Khamis—Pelajaran Al-Koran. Masa-nya ia-lah mulai dari pukul 7.30 malam hingga ka-pukul 8.30 malam.

Selain dari itu, Pelajaran2 Lagu2 Nashid dan Marhaban juga akan di-adakan kepada penuntut2 yang ingin mempelajari, ia-itu mulai dari pukul 8.30 malam hingga ka-pukul 9 malam.

Jawatan Kuasa Kelas Dewasa, Ugama, Kuala Belait menyeru kepada orang ramai, lelaki dan perempuan, yang ingin belajar di-Kelas2 Dewasa Ugama itu, supaya memasuki Kelas2 Dewasa Ugama tersebut.

Mereka di-persilakan mendaftar nama masing2 kepada Setia Usaha, Kelas Dewasa Ugama, Kuala Belait, Awang Mukim bin Awang Hassan, d/a Pejabat Lem-baga Bandaran, Kuala Belait.

Tujuan yang utama ia-lah untuk menyiasat dengan sah sama ada perempuan yang di-maksudkan itu sudah pun bertunang atau belum. Andai-nya sudah, maka mereka tidak akan membuka rahsia (maksud) mereka datang itu; tetapi jika sa-balek-nya ba-

OLEH ZUL-KIFLIE

ABDULLAH

haru-lah mereka mulai "memukul dinding" (mengeluarkan kata2 sa-chara tidak langsong).

Biasa-nya mereka menggunakan rangkap2 pantun, pepatah, atau berbagai2 bidalan. Men-jadi2-lah perbualan yang penuh dengan kias mengias antara kedua pehak, istimewa jika ada tanda2 bahawa maksud dari pehak lelaki mendapat sambutan baik.

Walau bagaimana pun, akhirnya berterus terang dan ber-tegas-lah antara kedua pehak akan tujuan maksud perbualan mereka dan kelihatan-lah antara kedua-nya dalam kemesraan dan girang.

Kemudian rombongan dari pehak lelaki itu pun meninggalkan (menyerahkan) sa-biji chelapa (bagi Puak Belait yang tinggal di-Bukit Sawat) atau ber-ras (sa-banyak dua atau tiga gantang bagi Puak Belait yang tinggal di-Kuala Belait), dan ini di-katakan mereka sa-bagai tanda "pembuka mulut."

(BERSAMBONG)

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Julai hingga ka-hari Juma'at 31 Julai, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
15	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
16	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
17	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
18	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
19	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
20	4.41	4.56	6.14	12.31	3.51	6.42	7.53
21	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
22	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
23	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
24	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
25	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
26	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
27	4.42	4.57	6.15	12.32	3.50	6.42	7.53
28	4.42	4.57	6.16	12.32	3.50	6.42	7.53
29	4.42	4.57	6.16	12.32	3.50	6.42	7.53
30	4.42	4.57	6.16	12.32	3.50	6.41	7.53
31	4.42	4.57	6.16	12.32	3.50	6.41	7.53

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Pertandingan Sokan Borneo



Jackie Chong Nyet Ha, salah sa-orang peserta dari Sabah (kanan) telah mengambil bahagian dalam perlawanan melempar lembing dalam perlawanan Sokan Borneo di-Gelanggang Sokan, Seria, pada 10 dan 11 Julai, 1964. Atas, ia-lah Liew Vui Kee dari Sarawak. Liew telah mendapat tempat kedua dalam perlawanan lompat bergalah. (Berita penuh di-muka 7).



Pertandingan Tinju

BANDAR BRUNEI.—Seramai 30 orang ahli2 tinju akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju Kejohanan Sa-Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam2 17 dan 18 Julai, 1964.

Ahli2 tinju tersebut akan mengandungi 13 orang dari Askar Melayu Brunei, 9 orang dari Kelab Belia Seria, 7 orang dari Pasukan "Leather Pusher" Douglas Boyd dan sa-orang wakil dari Pasukan Tentera Inggeris.

Sa-lepas di-adakan Pertandingan Tinju tersebut, Pasukan Tinju Negeri Brunei berchadag hendak melelah ahli2 tinju tempatan yang berbakat untuk melawan ahli2 tinju dari Singapura di-Bandar Brunei pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam bulan September tahun ini kelak.

PUSAT-PUSAT KEMASHARAKATAN YANG BAHARU

KUALA BELAIT.— Lima buah kampung di-Daerah Belait tidak berapa lama lagi akan mempunyai Pusat2 Kemasharakatan apabila bangunan2 yang sedang di-bena di-jangka siap pada akhir bulan Ogos akan datang.

Pusat2 Kemasharakatan itu sedang di-bena di-Sungai Liang, Lumut, Kuala Balai, Labi dan Bukit Sawat.

Berhubung dengan pembenaan Pusat2 Kemasharakatan tersebut, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata bahawa Pusat2 Kemasharakatan itu di-bena di-bawah Rancangan Kemajuan Daerah Luar Bandar dan wang sebanyak \$40,000 telah di-untukkan oleh Kerajaan Brunei bagi melaksanakan pembenaan projek tersebut.

Pengiran Momin menjelaskan bahawa Pusat2 Kemasharakatan itu akan di-gunakan untuk perjumpaan sosial, sebagai dewan persidangan dan untuk lain2 perkara mengenai kebajikan penduduk2 di-kampung2 tersebut.

SERUAN PULIS

BANDAR BRUNEI.—Pegawai Pemerintah Pasukan Pulis Daerah Brunei, Pemangku Penguasa Pulis, B. M. G. Carvalho meminta kepada orang2 yang mempunyai basikal supaya mereka mengunci basikal2 mereka pada masa basikal itu tidak di-gunakan di-kawasan Bandar Brunei.

Beliau membuat seruan tersebut ia-lah kerana beberapa buah basikal yang tidak di-kunci telah di-dapati hilang di-Bandar Brunei semenjak beberapa minggu yang lalu.

SAMBUTAN-SAMBUTAN MINGGU PELAJARAN SEKOLAH2 MELAYU NEGERI BRUNEI

MURID2 dan Guru2 Sekolah2 Melayu Negeri Brunei telah bergembira pada masa diadakan sambutan MINGGU PELAJARAN di-Sekolah masing2 dalam bulan Jun tahun ini. Ini-lah tahun yang kedua sambutan sa-demikian di-adakan di-Negeri Brunei dengan memperolehi kejayaan.

Berhubung dengan sambutan MINGGU PELAJARAN itu, Penguasa Pelajaran Melayu

Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latif menyatakan bahawa sambutan itu telah berhasil dan beliau berasa sukachita menguchapkan ber-banyak2 terima kaseh kepada semua orang yang telah bekerjasama bagi menjayakan sambutan tersebut.

Beliau menyeru kepada murid2 supaya mereka belajar dengan tekun dan jangan-lah men-sesiakan ajaran Guru2 dan ibu-bapa mereka

untuk mendapat kejayaan2 dalam lapangan Pela-jaran dan sebagai-nya pada masa akan datang.

Dalam keluaran yang lalu Pelita Brunei telah menyiarkan beberapa gambar yang di-am-bil di-sabilangan Sekolah2 Melayu pada masa di-adakan sambutan MINGGU PELAJARAN. Dalam keluaran kali ini di-siarkan gambar2 yang di-ambil di-sabilangan lagi Sekolah2 Melayu pa-da masa di-adakan sambutan tersebut.




Satu pemandangan sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait. Dalam gambar ini kelihatan para hadirin menyaksikan pertunjukan panchak silat.



Penghulu Kampong Sengkulong, Y.M. Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman kelihatan menyampaikan hadiah kepada sa-orang murid di-majlis menyampaikan hadiah2 sambutan Minggu Pelajaran S.M. Sengkulong.



Murid2 Sekolah Melayu Sungai Hanching kelihatan mengambil bahagian di-temasha sokan bagi menyambut Minggu Pelajaran Sekolah Melayu Sungai Hanching pada penghujung bulan Jun yang lalu.



Gambar ini di-ambil di-majlis pembukaan rasmi sambutan Minggu Pelajaran S.M. Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara. Dalam gambar ini kelihatan Pancharagam Pulis Brunei sedang bermain musik sambil berbaris.



Senyum sedikit Awang2 dan Dayang2. Gambar ini di-ambil di-majlis menyampaikan hadiah2 sambutan Minggu Pelajaran Sekolah Melayu Mentiri. Sa-orang murid kelihatan hendak menerima hadiah-nya.



Penolong Pesuroh Jaya Pengakap2 (Bahagian Sekolah2 Melayu) Daerah Brunei, Awang Shahbudin Saleh kelihatan mengibarkan bendera Brunei di-majlis pembukaan rasmi sambutan Minggu Pelajaran S.M. Gadong.

PERADUAN LUKISAN DUNIA KANAK2 MENDAPAT SAMBUTAN PELUKIS2 MUDA TEMPATAN

BANDAR BRUNEI.—Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Pamiran Lukisan Dunia Kanak2 di-Rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Chevalier pada pagi hari Sabtu 4 Julai, 1964.

Peraduan lukisan tersebut diadakan di-bawah anjoran badan Derma Pelajaran Kanak2 Antara Bangsa, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu (UNICEF) dan di-kekelolaan di-negeri ini oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Lebih daripada 300 buah lukisan telah di-pamerkan dan lukisan2 yang berjaya dalam peraduan tersebut akan di-hantarkan oleh P.G.G.M.B. ka-Canada untuk di-pamerkan di-sana.

Pamiran lukisan tersebut telah di-adakan selama dua hari, ia-itu pada hari Sabtu 4 Julai dan pada hari Ahad 5 Julai. Ramai peminat2 seni lukis dan lain2-nya telah melawat ka-pamiran lukisan tersebut untuk menyaksikan hasil2 karya pelukis2 muda tempatan.

KEPUTUSAN

Pemenang2 peraduan lukisan tersebut ada-lah seperti berikut:


BAHAGIAN "B" (ia-itu kanak2 yang berumur dari 10 tahun ka-14 tahun):

Pertama—Ismail bin Bolhassan (Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei). Kedua—Dayangku Halimah binte Pengiran Umar (Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei). Ketiga—

Rosniah Hassan (Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei). Pemenang2 tambahan: Sing Jui Lee (Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei), Dayangku Fatimah bte. Pengiran Momin (Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri) dan Ali Mashod bin Haji Tahir (Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin).

BAHAGIAN "C" (ia-itu kanak2 yang berumur dari 15 tahun ka-17 tahun):

Pertama—Dayangku Mariah binte Pengiran Ahmad (Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri), Kedua—Mustafa A. Morni (Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam). Ketiga—Maylin Tuah (Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam). Pemenang2 tambahan: Abdul Hamid Kahar, Abdul Majid Abdullah dan Zaini Haji Karim—kesemua-nya dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf (tengah) kelihatan memerhatikan lukisan2 hasil karya kanak2 tempatan yang di-pamerkan di-rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada 4 Julai, 1964. Di-kiri sekali ia-lah Pengetua, Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin dan kanan sekali ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awg. Md. Daud bin Serudin.

SINARAN SUCHI MEMBUAT BAKTI

BANDAR BRUNEI.—Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah mengeluarkan satu siaran yang di-beri nama 'Sinaran Suchi'. Siaran tersebut di-keluarkan pada tiap2 awal dan pertengahan bulan Maehi.

Bilangan pertama-nya telah diterbitkan pada 15 Mei, 1964 bersempena dengan menjelang-nya tahun Baharu Islam 1384.

Siaran tersebut mendukung chita2 menyebarkan kesedaran beragama di-kalangan ra'ayat, di-isikan dengan makalah2 dan sajak2 yang berunsor chita2 diatas.

Pihak Penyunting-nya mengalu2kan sumbangan makalah2 dan sajak2 dari penulis2 sechara sukarela.

Sesiapa yang ingin memiliki Sinaran Suchi pada keluaran2 yang akan datang boleh-lah berhubung dengan penyunting-nya di-alamat Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Mashuarat Agong Penubohan Jaycee Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Awang Ong Kim Kee telah di-lantek sebagai Yang Dipertua Agong, Pertubohan Jaycee Sa-Negeri Brunei dalam Mashuarat Agong Penubohan pertubohan tersebut yang telah di-langsungkan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada hari Ahad 5 Julai, 1964.

Awang Jaya bin Abdul Latiff dari Bandar Brunei dan Awang P. F. P. Nicholas dari Daerah Belait telah di-lantek sebagai Naib2 Yang Dipertua.

Pegawai2 Jaycee Sa-Negeri Brunei yang lain di-lantek dalam mashuarat itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Setia Usaha Agong: Awang Johnny Quek (Bandar Brunei), Penyimpan Wang: Awang John-

ny Liew (Daerah Belait), Ahli2 Lembaga Pengarah2: Awang Osmond Chong (Daerah Belait), Awang Patrick Gotoking (Daerah Belait), Awang Patrick Sim (Bandar Brunei), Awang Ram Kishen (Bandar Brunei), Awang Lo Vui Ken (Daerah Belait) dan Awang Husin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamad Yusuf (Bandar Brunei).

Pengerusi2 Surohanjaya2 yang


telah di-lantek dalam mashuarat itu ia-lah:

Surohanjaya Hadiah2: Awang Lo Vui Ken. Surohanjaya Perlembagaan: Awang Jaya bin Abdul Latiff. Surohanjaya Perkhidmatan Kaum: Awang Husin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamad Yusuf. Surohanjaya Pelajaran dan Hal Ehwal Belia: Awang Leo Owen. Surohanjaya Ekonomi: Awang Zainal Lamin.

Surohanjaya Perhubungan Antara Bangsa: Awang Patrick Sim Song Juay. Surohanjaya Latehan Ketua2: Awang Ram Kishen. Surohanjaya Perhubungan Raya: Awangku Haji Mohamed. Surohanjaya "Ways and Means": Awang P.F.P. Nicholas dan Surohanjaya Penambahan Ahli2: Awang Johnny Quek.

Ramai ahli2 Petubohan Jaycee dari Bandar Brunei dan Daerah Belait telah hadir di-majlis tersebut. Turut hadir sebagai pemerhati2 ia-lah wakil2 Pertubohan2 Jaycee dari Sabah dan Sarawak.

Kongres Pertubohan Jaycee Sa-Dunia akan di-adakan di-Oklahoma, Amerika Sharikat mulai dari 18 hingga ka-26 Oktober tahun ini dan di-jangka bahawa Pertubohan Jaycee Brunei mungkin akan menghantar-kan Wakil2-nya untuk menghadiri Kongres Pertubohan Jaycee Sa-Dunia itu.



Gambar ramai para hadirin di-majlis penubohan Pertubohan Jaycee Sa-Negeri Brunei di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada 5 Julai, 1964.

PERTANDINGAN SOKAN WILAYAH BORNEO

15 REKOD BARU TELAH DI-CHIPTA

SERIA, 10 dan 11 Julai.

SA-BANYAK 15 rekod baru telah di-chipta dalam Sokan Borneo yang ke-10 yang telah berlangsung di-Gelanggang Sokan di-sini berturut2 sa-lama dua hari, pada 10 dan 11 Julai, 1964.

Sembilan dari rekod2 itu telah di-chipta oleh ahli2 sokan lelaki dalam acara2 lomba lari manakala enam yang lagi itu telah di-chipta oleh ahli2 sokan wanita.

Pertandingan dalam kedua2 hari itu telah berlangsung dalam keadaan chuacha yang baik.

Sa-ramai 100 orang peserta dari Sabah, Sarawak dan Brunei telah menunjukkan kecekapan masing2 untuk menentukan kejuaraan negeri masing2 dalam sokan tahunan Borneo itu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Brunei, Penaong Sokan Borneo, dalam titah ucapan Baginda yang telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, telah mengingatkan peserta2 supaya menyimpan dalam sanubari hasrat utama dalam perlawanan2 sokan.

Baginda bertitah, mereka haruslah sentiasa berusaha untuk berlawan bagi keharuman dan nama baik negeri masing2 sama ada mereka menang atau pun kalah.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf, yang juga menjadi Presiden Lembaga Sokan Amateur Borneo telah melangsungkan pembukaan rasmi sokan Borneo itu.

HUBONGAN PERSAHABATAN

Dalam ucapan pembukaannya beliau berkata, "perkumpulan ahli2 sokan dari ketiga2 wilayah Borneo ini akan mengukuhkan lagi, bukan hanya hubungan persahabatan antara persaorangan, bahkan juga persahabatan yang erat antara ketiga2 wilayah tersebut."

Dalam pertandingan kedua2 hari itu sa-tiap peserta dari wilayah masing2 telah menunjukkan kegiatan, tetapi Sabah telah berjaya menewaskan Sarawak untuk memenangi kejohanan dengan mendapat sa-banyak 244 mata.

Sarawak telah mendapat tempat yang kedua dengan 197 mata, dan Brunei, sa-bagai tuan rumah dengan 138 mata.

Ahli2 sokan Brunei walau pun telah gagal mendapatkan kejuaraan2 yang banyak dalam pertandingan itu telah menunjukkan perlawanan2 yang lebeh baik dari apa yang telah di-tunjukkan mereka di-Jesselton tahun lalu.

Walau pun mereka tewas dengan hebat-nya dalam acara2 lomba lari, mereka hampir2 membandingi dalam acara2 perlawanan padang.

Sa-orang dari mereka, Onn bin Timbang, yang telah menunjukkan perlawanan yang baik dalam bahagian junior peringkat negeri, telah mendapat tempat ketiga dalam perlawanan lompat bergalah, dan pegawai2 yang bertugas telah menelah bahawa ia akan dapat membaiki untuk mendapatkan lompatan yang tertinggi dalam acara itu.

Ahli2 sokan wanita Brunei tidak-lah juga tewas dengan hebat-nya tahun ini. Lim Geok Kheng dalam lomba lari 400 meter, buat julong2 kali telah berjaya mendapat tempat yang kedua di-belakang Chong Mei Ling dari Sarawak yang lebeh mahir dalam perlawanan.

Wanita yang lain-nya, Ong Lee Tin, yang telah mendapat tempat kedua dalam melontar lembing telah memecahkan rekod lama dengan lontaran-nya sa-jauh 95 kaki 11½ inchi.

KEMUNCHAK PERLAWANAN

Kemunchak perlawanan Sokan Borneo itu, sudah tentu-lah perlombaan yang di-tunjukkan oleh harapan Olympic dari Sabah, Dilbagh Singh Kler dan wanita yang terlaju sa-kali di-Malaysia, Patricia Stahlmann, juga dari Sabah.

Dilbagh telah menchipta dua rekod baru bagi 1,500 dan 5,000 meter manakala Patricia menewaskan negeri-nya sendiri dan rekod Malaysia dalam lomba lari 100 meter.

Keputusan perlawanan sapenoh-nya ada-lah seperti dibawah :

BAHAGIAN LELAKI

100 meter : 1, John Doukom (Sabah) 10.8 saat; 2, William Chai (Sarawak) 10.9 saat; 3, Raymond Lim (Sabah) — Rekod baru.

200 meter : 1, William Chai (Sarawak) 22.7 saat; 2, John Doukom (Sabah); 3, William Lee (Sarawak) — Rekod baru.

400 meter : 1, Latif Olen (Sarawak) 49.6 saat; 2, Othman An-

du (Sabah) 50.8 saat; 3, Salleh Wahab (Sarawak) 51 saat — Rekod baru.

800 meter : Latif Olen (Sarawak) 1 minit 55.1 saat; 2, Dilbagh Singh Kler, (Sabah) 1 minit 58.3 saat; 3, Joseph Mong (Sarawak) — Rekod baru.

1,500 meter : 1, Dilbagh Singh Kler (Sabah) 4 minit 2 saat; 2, Joseph Mong (Sarawak) 4 minit 7.5 saat; 3, Christopher Reynolds (Sarawak) 4 minit 9 saat — Rekod baru.

5,000 meter : 1, Dilbagh Singh Kler (Sabah), 15 minit 49 saat; 2, Christopher Reynolds (Sarawak) 16 minit 6 saat; 3, Mike Casse (Sarawak) 16 minit 32 saat — Rekod baru.

Lompat pagar 110 meter : 1, Kuda Ditta (Sarawak) 15 saat; 2, Herbert Hill (Sabah) 15.4 saat; 3, Stephen Umbol (Sabah) — Rekod baru.

Lompat pagar 400 meter : Kuda Ditta (Sarawak) 55.5 saat; 2, Salleh Wahab (Sarawak), 3, Othman Andu (Sabah) — Rekod baru.

Lari berganti2 4 kali 100 meter : BRUNEI (Abdullah Mustapha, Raja Azlan, A. Rahim dan



A. SIBIDOL

David Chelliah) — 44 saat. Sabah dan Sarawak telah di-kira tidak sah.

Lari berganti2 4 kali 400 meter : SARAWAK (Latif Olen, Salleh Wahab, Joseph Mong dan Kuda Ditta) — 3 minit 23.3 saat; 2, SABAH 3 minit 28.6 saat; 3, BRUNEI — 3 minit 43 saat — Rekod baru.

Lompat bergalah : 1, Wong Ah Yun (Sabah) 11 kaki 6½ inchi; 2, Liew Vui Kee (Sarawak); 3, Onn Timbang (Brunei).

Lompat tinggi : 1, Wong Ah Yun (Sabah) 5 kaki 10¾ inchi; 2, Albert Chong (Sabah); 3, Ting Ming Hua (Sarawak).

Lompat jauh : 1, Albert Chong (Sabah) 22 kaki 8½ inchi; 2, Zunaiddi Hamdan (Brunei); 3, Douglas Kanyan (Sarawak).

Lompat kijang : 1, D. M. Gabuh (Sabah) 45 kaki 6½ inchi; 2, Awangku Zahari (Brunei), 3, Albert Chong (Sabah).

Lempar piring : 1, A. Sibidol (Brunei) 114 kaki 11 inchi; 2, Wilson Chin (Sabah); 3, Kuda Ditta (Sarawak).

Lontar Lembing : 1, Fred Fung (Sabah) 179 kaki 6 inchi; 2, Sylvester Chong (Sabah); 3, A. Sibidol (Brunei).

Buang peluru besi : 1, A. Sibidol (Brunei) 42 kaki 4½ inchi; 2, Wilson Chin (Sabah); 3, Philip Thien (Sabah).

BAHAGIAN WANITA

100 meter : 1, Patricia Stahlmann (Sabah) 12.2 saat; 2, Adina Abad (Sabah) 12.5 saat; 3, Chen Li Na (Sarawak) — Rekod baru.

200 meter : 1, Patricia Stahlmann (Sabah) 27 saat; 2, Chen Li Na (Sarawak); Nicola Thomas (Sabah) — Rekod baru.

400 meter : 1, Chong Mei Ling (Sarawak) 64.9 saat; 2, Lim Geok Kheng (Brunei); 3, Ratan Kaur Kler (Sabah).

800 meter : 1, Chong Mei Ling (Sarawak) 2 minit 31.8 saat; 2, Ratan Kaur Kler (Sabah); 3, Thien Lee Choo (Sarawak).

Lompat pagar 80 meter : 1, Lucy Thien (Sabah) 13 saat; 2, Harcharan Kaur Kler (Sabah); 3, Zene Kadir (Brunei).

Lari berganti2 4 kali 100 meter : 1, SABAH (Adina Abad, Lucy Thien, Nicola Thomas dan Patricia Stahlmann), 51.8 saat; 2, SARAWAK 52.4 saat; 3, BRUNEI 55.4 saat — Rekod baru.

Lompat tinggi : 1, Adina Abad (Sabah) 4 kaki 8¾ inchi; 2, Marie Nair (Sabah); 3, Wong Yeh Kong (Brunei).

Lompat Jauh : 1, Adina Abad (Sabah) 17 kaki 10½ inchi; 2, Leong Hui Chin (Sarawak); 3, Doreen Hiew (Brunei) — Rekod baru.

Lempar piring : 1, Jackie Chong Nyet Ha (Sabah) 81 kaki 7½ inchi; 2, Mariam Mujie (Sabah); 3, Vivien Ee (Sarawak).

Lontar lembing : 1, Vivian Ee (Sarawak) 107 kaki 1 inchi; 2, Ong Lee Tin (Brunei) 95 kaki 11½ inchi; 3, Helen Sibidol (Brunei) — Rekod baru.

Buang peluru besi : 1, Mary Wong (Sarawak) 32 kaki 4½ inchi; 2, Vivien Ee (Sarawak) 30 kaki 8¾ inchi; 3, Jackie Chong Nyet Ha (Sabah) — Rekod baru.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, telah menyampaikan perisai2 dan hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan tersebut.

MURID S. M. SUNGAI KEBUN DAPAT "HADIAH KEJUJORAN"

SUNGAI KEBUN.—Sa-orang murid Sekolah Melayu Sungai Kebun, Daerah Brunei telah memperoleh satu hadiah yang istimewa, ia-itu "HADIAH KE-

JUJORAN" sebagai satu tanda menghargai kejujoran-nya baharu2 ini.

Kanak2 perempuan yang jujur itu ia-lah Siti Jarah binti Tarsad, seorang murid Darjah III-C di-Sekolah Melayu Sungai Kebun. Ia tinggal di-Kampung Saba Laut, Kampung Ayer, Brunei.

Hadiah Kejujoran yang istimewa itu telah di-sampaikan kepada Siti Jarah oleh Yang di-Muliakan Pehin Sri Wangsa Haji Muhammad di-Majlis Menyampaikan Hadiah2 sambutan Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Sungai Kebun baharu2 ini.

Menurut penerangan Guru Besar, Sekolah Melayu Sungai Kebun, Chegu Ludin bin Hashim, Siti Jarah telah menjumpai sa-biji PAUN EMAS yang besar di-kawasan Sekolah Melayu Sungai Kebun pada 18 Jun, 1964.

Sa-lepas itu Siti Jarah telah menyerahkan paun tersebut kepada Guru Besar Sekolah-nya dengan menyatakan bahawa ia telah menjumpai paun itu dan tidak-lah mengetahui siapakah yang mempunyai paun itu.

RANTAI EMAS

Tidak berapa lama kemudian, sa-orang murid bernama Sarsidah telah memberitahu Chegu Ludin bahawa paun emas-nya telah hilang, sambil menunjukan rantai paun emas itu yang telah putus.

Sa-telah di-siasat oleh Guru Besar Sekolah Melayu Sungai Kebun, maka paun emas itu pun di-serahkan kepada kanak2 yang mempunyai-nya.

Chegu Ludin berkata lagi bahawa beliau "sangat-lah berasa kagum" kerana kejujoran murid tersebut dan beliau serukan kepada murid2 Sekolah Melayu Sungai Kebun khas-nya dan murid2 dari lain2 sekolah 'am-nya supaya mengikuti "jejak langkah" murid yang jujur dan ikhlas itu.

Shabash Siti Jarah! Sa-moga tingkah laku Dayang yang chemerlang itu akan menjadi kemegahan bukan sahaja oleh ibu-bapa serta keluarga Dayang, bahkan oleh Guru Besar, Guru2 dan murid2 Sekolah Melayu Sungai Kebun pada satriap masa.—MZA.



SITI JARAH

Pegawai2 Baru Kelab Tennis Brunei

BANDAR BRUNEI.—Pegawai2 baru Kelab Tennis Brunei yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong kelab tersebut baharu2 ini ada-lah saperti berikut:—

Pengerusi: Pengiran Haji Metussin. Setia Usaha: Awang Richard Lee. Bendahari: Awang K.S. Vasan, Kapitan: Awang E.V. Dharan.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Ram Kishen, Tuan Haji Hasbollah dan Awang Talib Derwish.

Projek Bulanan Persatuan Belia

BANDAR BRUNEI.—Projek bulan ini bagi Persatuan Belia Bandar Brunei ia-lah lawatan kapusat2 pertanian dalam berbagai2 lapangan di-Kilanas, Jerudong dan Lamunin. Demikian menurut keputusan mashuarat bulanan jawatankuasa persatuan tersebut yang telah di-adakan pada 12 Julai lepas.

Naib Yang Dipertua baharu persatuan itu memberitahu Pelita Brunei bahawa chadangan lawatan tersebut telah pun juga di-perkenankan oleh Pegawai Pertanian Negara, Yang Berhormat Awang Hamidoon bin Awang Damit.

Lawatan itu akan di-buat pada 26 Julai akan datang.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.

SW GUIDE

JUNE
1964



Vol.13 No. 6

JAPANESE SHORT WAVE CLUB

P. O. Box 29

P. O. Box 1665

SENDAI

TOKYO CENTRAL

Siaran Radio Brunei pada masa ini dapat di-dengar dengan terang di-negeri2 yang jauh, di-antara-nya ia-lah di-Negeri Jepun. Sebagai satu bukti, Kelab Gelombang Pendek Jepun, yang berpusat di-Tokyo menggunakan Kad Steshen Radio Brunei yang di-hantarkan oleh Radio Brunei ka-Steshen2 Radio di-luar negeri di-muka depan majallah-nya yang di-terbitkan dalam bulan Jun, 1964 sebagaimana yang di-siarkan di-atas.

PERLAWANAN HOKI SEKOLAH2 MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait akan memasuki Perlawanan Akhir Hoki Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Bahagian Murid2 Lelaki di-Padang Sekolah Melayu SMJA pada petang 16 Julai.

Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah mengalahkan S.M. Sultan Hassan, Bangar, Temburong dengan 1 gol tidak berbalas dalam Perlawanan Suku Akhir pada 9 Julai.

Dalam Perlawanan2 Saparoh Akhir, Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan 6 gol tidak berbalas, manakala Sekolah Melayu

Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut dengan 3 gol berbalas 1.

Perlawanan Akhir Hoki Bahagian Murid2 Perempuan akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu SMJA pada petang hari Ahad 19 Julai.

Dalam satu Perlawanan Saparoh Akhir yang telah di-adakan pada 12 Julai Pasokan Murid2 Perempuan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Pasokan Murid2 Perempuan Sekolah Melayu Bunut dengan 1 gol tidak berbalas. Satu lagi Perlawanan Saparoh Akhir akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu SMJA di-antara Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan Sekolah Melayu SMJA pada petang hari Rabu 15 Julai.



Ahli2 Pasokan Hoki Murid2 Perempuan, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait kelihatan dalam gambar ini bergambar dengan guru2 mereka. Pasokan hoki ini telah berjaya menjadi Johan antara Pasokan2 Hoki Murid2 Perempuan Daerah Belait. Dalam perlawanan Hoki Peringkat Sa-Negeri Brunei pula, pasokan ini akan bertemu dalam Perlawanan Akhir pada 19 Julai dengan pemenang di-antara Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim dan Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A.